

## **APLIKASI KEADILAN RESTORATIF DAN HUKUMAN REHABILITASI DALAM PROSIDING JENAYAH SYARIAH**

### **Application of Restorative Justice and Rehabilitation Punishment in Syariah Criminal Proceedings**

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[nurzulfah@kuis.edu.my](mailto:nurzulfah@kuis.edu.my)

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[hammad@kuis.edu.my](mailto:hammad@kuis.edu.my)

NORAZLA ABDUL WAHAB

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[norazla@kuis.edu.my](mailto:norazla@kuis.edu.my)

#### **Abstrak**

Prosiding jenayah syariah di Mahkamah Syariah dilaksanakan melalui peruntukan yang dinyatakan dalam statut tatacara jenayah negeri masing-masing. Mahkamah Syariah negeri dalam mengadili kes-kes jenayah syariah di Malaysia akan mengenakan hukuman retributif kepada pesalah berpandukan kadar dan bentuk hukuman yang telah dinyatakan dalam Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (Pindaan 1965) atau Akta 355. Hukuman retributif yang dikenakan adalah hukuman denda, sebatan dan pemenjaraan. Justeru, tiada amalan keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi dilaksanakan secara umum. Namun, bentuk hukuman retributif dikenali sebagai hukuman alternatif (hukuman ganti) ada diberikan kepada pesalah yang dikecualikan menerima hukuman retributif. Contohnya bagi pesalah muda. Namun secara keseluruhanya, bentuk hukuman alternatif yang diberikan bukannya bersifat rehabilitasi tetapi hanyalah dengan bon berkelakuan baik atau dilepaskan dengan nasihat atau teguran sahaja. Prosiding jenayah syariah yang tertakluk dalam statut tatacara didapati tidak memberikan ruang bagi proses keadilan restoratif itu dilaksanakan. Ianya mungkin kerana keadilan restoratif ini amalannya melibatkan mangsa dan pesalah sedangkan kesalahan jenayah syariah kebanyakannya ditentukan sebagai kesalahan yang tidak mempunyai mangsa. Tetapi, hakikat kepada kerelevanannya untuk melaksanakan secara holistik hukuman rehabilitasi dilihat sangat berkeperluan apabila fungsi dan objektif hukuman untuk memulihkan dan memberikan kesedaran kepada pesalah dapat tercapai melalui penempatan pesalah ke pusat pemulihan, menjalani khidmat sosial, kerja-kerja khidmat ummah dan menjadi sukarelawan masjid. Kajian ini memfokuskan satu saranan terhadap perlaksanaan keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi dalam prosiding jenayah syariah di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah temubual, teks penghakiman serta merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan perbincangan. Hasil dapatan mendapati keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi masih boleh dipraktikkan dalam prosiding jenayah syariah di Malaysia sebagaimana amalan di Mahkamah Sivil. Namun, terdapat beberapa sudut perundangan, prosedur dan garis panduan yang perlu diteliti kembali

supaya ianya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Mahkamah Syariah juga didapati masih mempunyai ruang dan cara tertentu untuk beranjak dari bentuk hukuman retributif kepada keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi namun ianya perlu kepada prosedur dan justifikasi yang jelas.

Kata kunci: Restoratif, Rehabilitasi, Hukuman, Keadilan, Jenayah Syariah

## **Abstract**

Syariah criminal proceedings in Syariah Courts are carried out through the provisions setting in criminal procedure statutes respective states. State Syariah Courts in adjudicating syariah criminal cases in Malaysia will impose retributive punishment on offenders based on the rate and form of punishment specified in the Syariah Court Jurisdiction Act (Amendment 1965) or Act 355. The retributive punishment imposed is fines, whipping and imprisonment. Thus, no practice of restorative justice and rehabilitation punishment is generally implemented. However, a form of retributive punishment known as alternative punishment (substitute punishment) is given to offenders who are exempted from receiving retributive punishment. For example for young offenders. But on the whole, the alternative form of punishment given is not rehabilitative in nature but only with good behavior bond or released with advice or reprimand only. Syariah criminal proceedings on statute and procedure founded not provided any space for the restorative justice. It is because this restorative justice practice involves victims and offenders whereas syaria criminal offenses are mostly defined as offenses that have no victims. But, the fact to the relevance of holistically implementing rehabilitation punishment is seen as very necessary when the function and objective of punishment to rehabilitate and provide awareness to offenders can be achieved through placement of offenders to rehabilitation centers, undergoing social services, ummah service work and being mosque volunteers. This study focuses on a recommendation for implementation of restorative justice and rehabilitation punishment in syariah criminal proceedings in Malaysia. This study uses a qualitative methodology with method of interviews, judgment texts, scholarly writings, journals and books related to the discussion. The findings show that restorative justice and rehabilitation punishment can still be practiced in syariah criminal proceedings in Malaysia as practiced in the Civil Court. However, there are some aspects of legislation, procedures and guidelines that need to be reviewed so that they can be implemented efficiently and effectively. Syariah courts are also found to still have a certain space and way to move from the form of retributive punishment to restorative justice and rehabilitation punishment but it is necessary to clear procedures and justification.

Keywords: Restorative, Rehabilitation, Punishment, Criminal Proceedings, Syariah

## **1.0 PENDAHULUAN**

Perkara yang sering menjadi isu dalam membincangkan perkembangan undang-undang Islam di Malaysia lebih menjurus kepada skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia. Seandainya diteliti secara mendalam perkembangan undang-undang Islam di Malaysia, jelas memperlihatkan proses evolusi dalam undang-undang Islam yang mengatur aspek kehidupan ketika mula bertapaknya Islam di Malaysia hingga disempitkan skop bidangkuasa oleh penjajah terutamanya Inggeris yang membataskan undang-undang Islam hanya kepada skop undang-undang diri semata-mata (Alias Azhar & Muhammad Azam, 2012). Seperti kebanyakan negara-negara komanwel yang lain, sistem keadilan jenayah di

Malaysia adalah sebahagian besarnya berdasarkan keadilan punitif (menghukum) (Farah Nini Dusuki, 2017). Sebegini juga dengan undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan ketika ini di Malaysia adalah berdasarkan bentuk hukuman takzir yang meletakkan sepenuh budi bicara kepada hakim syarie dalam menentukan bentuk hukuman yang sesuai bagi pesalah.

Terdapat tiga bentuk hukuman yang ditetapkan sebagaimana dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (selepas ini disebut sebagai Akta 355) iaitu hukuman denda, penjara dan sebatan. Malah, bagi ketiga-tiga bentuk hukuman ini pula telah dinyatakan jumlah maksimum yang boleh dikenakan kepada pesalah dengan melihat kepada jenis kesalahan yang telah diperuntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri. Namun, menjadi persoalan adakah hukuman ini berkesan untuk memerangi kesalahan jenayah syariah di Malaysia? Tujuan utama bagi hukuman pula ada tiga iaitu menghukum, mencegah dan memulih (Farah Nini Dusuki, 2017). Penghakiman di mahkamah syariah pula, mestilah merangkumi dalam falsafah syariah yang menyentuh enam aspek penjagaan kehidupan manusia iaitu akidah (agama), jiwa, kehormatan, fikiran, harta dan zuriat. Pandangan dari penulis, objektif kepada hukuman jenayah syariah adalah bersifat mendidik dan mendatangkan keinsafan serta memulihkan pesalah kepada fitrah kejadian manusia yang perlu mematuhi setiap kehendak dan larangan syarak.

Berdasarkan teks penghakiman yang ada, prosiding kes jenayah syariah di mahkamah syariah didapati diputuskan secara teliti dan diadili sebaiknya. Bentuk hukuman yang biasa ditentukan pula adalah hukuman denda berbanding hukuman sebatan dan penjara. Malah hukuman rehabilitasi (pemulihan) hanya diberikan kepada kes-kes yang tertentu sahaja. Keadilan restoratif tidak langsung diamalkan mungkin mengambil kira kepada undang-undang jenayah syariah yang kesalahannya tidak melibatkan pihak ketiga dan hanya fokus kepada *personal law*.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Undang-undang jenayah syariah kini bukanlah suatu undang-undang yang semberono ataupun suatu pemerintah oleh agamawan yang tidak dipandu oleh suatu sistem yang teratur. Berbanding suatu ketika dahulu semua undang-undang sama ada jenayah ataupun mal semuanya diumpukan di dalam satu undang-undang sahaja iaitu Undang-Undang Pentadbiran seperti Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Selangor) 1952. Namun begitu dari sudut hukuman pula perundungan jenayah syariah masih berada di takuk lama sejak tahun 1984 lagi. (Sinar Harian, 2019).

Sejak tahun tersebut hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah syariah hanyalah tiga bulan penjara lima ribu ringgit denda dan enam kali sebatan syariah. Hal yang demikian adalah disebabkan Akta 355 menghalang Dewan-Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia menggubal undang-undang kesalahan jenayah syariah yang mana hukumannya melebihi kadar yang disebut tadi. Malah Akta 355 yang hanya memberi kuasa membuat hukuman yang berbentuk tradisional (denda, penjara dan sebatan) sahaja menghalang bentuk-bentuk hukuman lain yang bersifat restoratif seperti kerja komuniti, khidmat masyarakat, hukuman berbentuk pengajaran dan banyak lagi. Selagi Akta 355 ini tidak dipinda ia tidak memberi laluan kepada Dewan Undang Negeri lebih kreatif menyediakan bentuk hukuman yang lebih baik (Sinar Harian, 2019). Walaupun demikian, hakim syarie mempunyai beberapa ruang peruntukan untuk melaksanakan hukuman lain selain daripada hukuman tersebut dengan menggunakan kuasa budi bicara dan sedia ada yang telah digariskan (Fakhru Azman, 2021). Merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, hakim diberi kuasa budi bicara dalam

memperuntukkan hukuman terhadap pesalah kali pertama, pesalah wanita atas kesalahan tatussila, pengakuan salah menafikan rayuan, mitigasi, pesalah muda atau kanak-kanak, sabitan terdahulu dan semakan semula pada peringkat rayuan. Kesan peruntukan tersebut telah memberikan ruang kepada hakim untuk meringankan hukuman sedia ada atau menggantikan dengan hukuman lain. Hukuman lain yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif (Adibah Bahori, Siti Zubaidah & Nik Khazarita, 2017).

Namun, amalan sehingga kini pesalah jenayah syariah akan didahulukan dengan hukuman denda, iaitu hukuman maliyyah dan bukannya hukuman badaniyyah (Jasri Jamal, 2003). Oleh sebab itu, keadaan ini telah mendorong hakim untuk lebih cenderung memilih hukuman denda ini sebagai satu bentuk hukuman. Jika keadaan seperti ini berlarutan di mahkamah syariah, secara tidak langsung objektif hukuman dalam Islam, iaitu untuk memberikan pencegahan dan pemulihan mungkin tidak akan tercapai (Arifah Rahimah Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2014).

Seterusnya, prosiding jenayah syariah yang tertakluk dalam statut tatacara pula didapati tidak memberikan ruang bagi proses keadilan restoratif itu dilaksanakan. Ianya mungkin kerana keadilan restoratif ini amalannya melibatkan mangsa dan pesalah sedangkan kesalahan jenayah syariah kebanyakannya ditentukan sebagai kesalahan yang tidak mempunyai mangsa. Tetapi, hakikat kepada kerelevanannya untuk melaksanakan secara holistik hukuman rehabilitasi dilihat sangat berkeperluan apabila fungsi dan objektif hukuman untuk memulihkan dan memberikan kesedaran kepada pesalah dapat tercapai melalui penempatan pesalah ke pusat pemulihan, menjalani khidmat sosial, kerja-kerja khidmat ummah dan menjadi sukarelawan masjid serta penglibatan komuniti dalam membantu bersama memulihkan pesalah.

Hukuman rehabilitasi ini dinamakan sebagai hukuman alternatif yang mana hakim bicara perlu menentukan bentuk hukuman yang sesuai dan memberikan keadilan kepada undang-undang disamping mendidik pesalah. Namun dalam kesungguhan memperkasakan perlaksanaan hukuman alternatif ini, ia perlulah dilihat dalam konteks yang tepat yang mana pendidikan dan undang-undang hendaklah berjalan serentak (Mohammad Adib, 2019). Namun, Mahkamah Syariah sehingga kini dilihat *reluctant* untuk melaksanakannya mungkin kerana ketidaksediaan pihak-pihak berkuasa atas faktor tiada mekanisme yang jelas bagi perlaksanaan (Salehuddin Saidin, 2019).

Kini, pendekatan untuk menghampiri keadilan restoratif itu telah ada namun ianya tidak dilaksanakan melalui pendekatan rehabilitasi (pemulihan) sebaliknya melalui hukuman retributif. Ketika ini penempatan pesalah ke pusat pemulihan adalah bagi kes-kes tertentu yang layak diberikan hukuman alternatif. Hukuman rehabilitasi ini bukanlah terpakai dalam semua kesalahan jenayah syariah secara automatik tetapi ianya hanya terpakai pada kesalahan-kesalahan tertentu dan mengikut pertimbangan hakim secara kehakiman sahaja (Mohammad Adib, 2019).

### **3.0 SKOP DAN METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta jurnal, teks penghakiman dan statut- statut berkaitan. Kajian ini menggunakan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 sebagai rujukan utama kerana hampir kebanyakan dapatan kajian adalah melalui kedua-dua sumber ini. Objektif kajian adalah menyarankan pemakaian amalan pelaksanaan hukuman

bersifat restoratif dan rehabilitasi dalam prosiding kes jenayah syariah di Malaysia. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui teks penghakiman, jurnal dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

#### **4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Secara umumnya skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia telah digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Skop undang-undang Islam yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah dijelaskan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Fasal 1, yang memperuntukkan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum Syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtaranan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Secara jelasnya, berdasarkan peruntukan di atas, difahami bahawa undang-undang Islam hanyalah boleh dilaksanakan setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan. Justeru punca kuasa bagi pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam pula diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran negeri masing-masing (Zuri Zabuddin, 2021). Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355) yang menyatakan bahawa kesalahan hanya boleh disabitkan kepada orang yang beragama Islam sahaja. Sebagaimana yang disebut di dalam Senarai 2, Jadual ke-9, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam sahaja. Hukuman yang boleh dijatuhan bagi kesalahan-kesalahan tersebut pula adalah penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau mana-mana gabungan hukuman tersebut. Maka di sini jelas bahawa bidang kuasa dan hukuman bagi kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah adalah rendah jika dibandingkan dengan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam sistem Mahkamah Sivil (Nurbazla Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2013). Seterusnya hukuman-hukuman ini berbentuk takzir yang ditetapkan di bawah budi bicara dan kuasa pemerintah.

Manakala mahkamah Sivil di Malaysia pula mempunyai bidang kuasa berkaitan kesalahan jenayah berdasarkan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dan Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92). Apabila membincangkan bidang kuasa mahkamah Sivil, maka perlu disebut bahawa terdapat 3 peringkat mahkamah iaitu mahkamah Tinggi, mahkamah Sesyen dan mahkamah Majistret. Ini kerana bidang kuasa ketiga-tiga mahkamah berhubung kes jenayah adalah berbeza. Namun, bidang kuasa maksimum bagi mahkamah-mahkamah Sivil ini merangkumi semua jenis kesalahan selain daripada kesalahan yang boleh

dihukum dengan hukuman mati. Manakala hukuman maksimum pula adalah apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang selain hukuman mati. Ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara antara bidang kuasa mahkamah Sivil dan Syariah (Nurbazla Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2013).

Namun, timbul isu berkenaan tujuan hukuman dan pelaksanaan kuasa budi bicara hakim dalam memutuskan hukuman takzir di Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah sinonim dikenali mahkamah yang mengadili kes secara telus, adil dan meninggalkan kezaliman serta penganiayaan kepada mangsa. Islam bukanlah satu sistem undang-undang yang mencari-cari pesalah atau menghukum secara terus tanpa menilai dan melihat hikmah dan kesan langsung hukuman tersebut kepada mangsa. Objektif hukuman dalam Islam adalah pencegahan (*al-Zajr*), pemulihan dan pendidikan (*al-Islah wa al-Tahdib*), pembalasan (*al-Jaza'*) dan penyucian dosa (*al-Tathir wa al-Kaffarah*) (Abd Karim Zaydan, 1986). Makanya, berdasarkan objektif ini dipercayai Mahkamah Syariah mempunyai ruang dalam pelaksanaan keadilan restoratif dan rehabilitasi dalam hukumannya. Namun hakim bicara hendaklah kreatif dalam menggunakan otoriti dan kuasa-kuasa sedia ada dalam membuat keputusan.

Keadilan restoratif adalah pendekatan untuk menyelesaikan masalah dalam bentuk kebersamaan melibatkan fungsi fasilitator atau pegawai khas. Ianya melibatkan mangsa, pesalah, rangkaian sosial dan masyarakat. Hukuman rehabilitasi (pemulihan) yang dibentuk adalah berdasarkan prinsip asas bahawa tingkah laku jenayah bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga mencederakan mangsa dan memberikan impak serta kesan langsung kepada masyarakat (United Nation, 2006). Rehabilitasi pula adalah hukuman pemulihan. Pemulihan bermaksud usaha untuk memulihkan seseorang kepada asal (Noresah, 2005). Pemulihan dalam Islam ialah memulihkan seseorang pesalah jenayah daripada kesalahan yang dilakukan menerusi pembersihan dosa. Dalam konteks hukuman takzir, konsep pemulihan di dalam bahasa Arab adalah pulih dan pemulihan ini hampir sama maksudnya dengan kata salah (صَلَحْ). Pemulihan adalah perbuatan memulihkan, pengembalian kepada keadaan yang semula, pemulangan atau pengembalian.

Dapatkan awal mendapati, keadilan restoratif tidak langsung diamalkan di mahkamah syariah ketika ini kerana tiada pewartaan yang jelas dan statut dan tatacara prosiding jenayah syariah. Namun, hukuman rehabilitasi yang bersifat memulihkan dijadikan sebagai bentuk hukuman alternatif bagi kes-kes tertentu seperti kesalahan melibatkan pesalah muda. Namun ada juga pandapat menyatakan bahawa adalah baik hukuman alternatif ini diluaskan bagi kesemua kategori pesalah jenayah syariah dengan mengambil kira kepada fakta, berat pembuktian dan darjah keseriusan kesalahan tersebut (Zuri Zabuddin, 2021).

#### **4.1 Amalan Keadilan Restoratif dan Rehabilitasi di Negara Luar**

Keadilan Restoratif dan Rehabilitasi tidaklah asing di negara-negara barat yang lain. New Zealand dikenali sebagai negara perintis dalam mengamalkan keadilan restoratif (Farah Nini Dusuki, 2018). Permulaan penyelesaian konflik melalui keadilan restoratif dan rehabilitasi (pemulihan) di New Zealand bermula melalui pengenalan Persidangan Kumpulan Keluarga bagi pesalah muda melalui Akta Kanak-kanak, Orang Muda dan Keluarga Merdeka 1989. Kemudian digunakan pula dalam Akta Hukuman 2002, Akta Parol 2002 Akta Hak Mangsa 2002. Ketiga-tiga Akta menggariskan ;(i) pengiktirafan kepada keadilan restoratif, (ii) penggalakan penggunaan proses keadilan restoratif dijadikan sebagai pertimbangan yang perlu dalam menjatuhkan hukuman serta (iii) penentuan parol pesalah (New Zealand Ministry of Justice, 2004). Ia menunjukkan keterlibatan masyarakat di sekitar yang turut membantu dalam mensejahterakan komuniti.

Indonesia telah meratifikasi Konvensi Hak-Hak Anak beserta protokolnya, melalui Keppres No. 36 Tahun 1990 dan Undang-Undang No.5 Tahun 1998 sebagai ratifikasi terhadap Konvensi Menentang Penyiksaan dan Perlakuan atau Penghukuman yang lain yang kejam, tidak manusiawi yang merendahkan martabat manusia. Sistem Peradilan Pidana Anak (UU SPPA) adalah Undang-Undang Nomor 3 Tahun 1997 tentang Pengadilan Anak. Dengan lahirnya UU SPPA terdapat perubahan yang mendasar iaitu menggunakan pendekatan Keadilan Restoratif (Restorative Justice) melalui sistem diversi, menurut Pasal 1 angka 7 UU SPPA yang dimaksud dengan diversi adalah “pengalihan penyelesaian perkara anak dari proses peradilan pidana ke proses luar peradilan pidana” (Yul Ernis, 2016).

India tidak mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan keadilan restoratif tetapi diterima sebagai suatu amalan. Contohnya kesalahan yang boleh disenaraikan yang di bawah Seksyen 320 dari CRPC, 1973. Undang-undang fokus kepada keadilan rehabilitasi iaitu pemulihan dan situasi menang-menang untuk semua. Ini adalah pendekatan positif untuk membangun komuniti yang berdikari dengan penglibatan pihak berkepentingan yang bersangkutan dan mengehadkan monopoli mutlak negara terhadap keganasan dan kezaliman hukuman(Vageswari Deswal, 2019).

#### **4.2 Amalan Keadilan Restoratif dan Rehabilitasi di Mahkamah Sivil**

Sistem pengadilan kanak-kanak anti sosial/juvana di Malaysia berdasarkan pendekatan pencegahan dan pemulihan. Selama lebih 50 tahun sistem pengadilan juvana berlangsung di negara ini, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak telah mengaplikasikan pelbagai teori hukuman seperti pencegahan, retribusi, pengurungan/penahaman (incapacitation) dan pemulihan. Namun begitu, apabila berhadapan dengan pesalah kanak-kanak, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak cenderung untuk memilih teori pencegahan dan/atau teori pemulihan. Pendekatan pencegahan dan pemulihan ini dipilih kerana ia paling hampir dengan prinsip atau unsur restoratif yang diyakini mampu menjaga kebijakan dan pembangunan diri kanak-kanak (Mohd Al Adib & Noor Aziah, 2009). Manakala, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada menyediakan Peraturan Tetap Operasi dan Arahan Kerja Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Muda (Pindaan 2018) bagi kategori kes pesalah jenayah yang diarahkan menjalankan hukuman khidmat masyarakat (JKM, 2021).

Selain itu, Warta Kerajaan mengenai Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 yang diterbitkan Jabatan Peguam Negara pula telah memperkenalkan pindaan kepada Seksyen 5 Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 yang menyatakan mahkamah boleh, selain hukuman atau komital berkenaan, membuat perintah kehadiran wajib yang menghendaki seseorang hadir setiap hari di pusat yang mereka harus melakukan kerja wajib selama tempoh tidak lebih 12 bulan dan tidak lebih empat jam setiap hari. Mahkamah harus mempertimbangkan karakter individu terbabit, sifat dan keseriusan kesalahan dan semua keadaan lain yang berkaitan. Sementara itu, menurut Seksyen 5A Akta yang sama menyatakan ketua pengarah boleh, secara bertulis, memberi arahan untuk memindahkan mana-mana pesalah yang dikehendaki di bawah perintah kehadiran wajib untuk hadir setiap hari dari satu pusat ke pusat lain, atas permohonan yang dibuat pesalah atau sekiranya ketua pengarah merasakan perlu untuk melakukannya. Boleh dikatakan ini juga sebahagian dari amalan pemakaian kaedah keadilan restoratif dan rehabilitasi (My Metro, 2021).

#### 4.3 Cadangan Pemakaian Keadilan Restoratif dan Rehabilitasi dalam Prosiding Jenayah Syariah

Kes jenayah syariah memiliki prosiding dan perjalanan yang berbeza dengan kes sivil/mal. Penulis merujuk prosiding bagi negeri Selangor. Peruntukkan seksyen 96 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 telah menggariskan tatacara prosiding perbicaraan jenayah syariah yang harus diikuti semasa perbicaraan Manakala, secara jelas dalam peruntukkan seksyen 129 (1) Enakmen Tatacara Seksyen 129 (1) Enakmen Tatacara Jenayah Negeri Selangor (2003) menggariskan pertimbangan-pertimbangan yang perlu diukur oleh mahkamah sebelum menghukum pesalah jenayah syariah. Justeru, dari tafsiran tersebut, mahkamah boleh sahaja memberikan hukuman yang suaimanfaat dengan fakta kesalahan pesalah. Maka adalah tidak bersalahan sekiranya, mahkamah memberikan hukuman selain dari hukuman retributif.

Apabila mana-mana orang yang bukan seorang muda telah disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman pemerjaraan, maka jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa **dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental pesalah itu atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu atau kepada apa-apa hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan adalah suaimanfaat bahawa pesalah itu dilepaskan dalam cubaan akhlak untuk berkelakuan baik**, Mahkamah boleh, dengan tidak menghukumnya serta-merta dengan apa-apa hukuman, mengarahkan supaya pesalah itu dilepaskan apabila dia mengikat bon dengan penjamin-penjamin dan sepanjang apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir dan menerima penghakiman jika dan apabila dipanggil dan sementara itu hendaklah berkelakuan baik.

Hakikat untuk melaksanakan keadilan restoratif dan rehabilitasi di Mahkamah Syariah bukanlah mudah namun tidak mustahil. Walaupun secara jelasnya, prosiding jenayah syariah dan penghakiman yang diputuskan ketika ini menjurus kepada hukuman denda, pemerjaraan dan sebatan berpaksikan kadar hukuman dalam statut (Azizah Mat Rashid, 2021). Namun, mahkamah juga tidak terkecuali dalam menerima bentuk hukuman rehabilitasi sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 129 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor (2003).

Manakala, dalam Seksyen 128 (1) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Negeri Selangor (2003) menggariskan pertimbangan-pertimbangan yang perlu diukur oleh mahkamah sebelum menghukum pesalah muda jenayah syariah. Justeru, dari tafsiran tersebut, mahkamah boleh sahaja memberikan hukuman yang suaimanfaat dengan fakta kesalahan pesalah. Maka adalah tidak bersalahan sekiranya, mahkamah boleh terbuka memberikan hukuman selain dari hukuman retributif.

- (1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemerjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemerjaraan kerana keingaran membayar denda atau hukuman pemerjaraan—
  - (a) memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau
  - (b) memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu atau bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah

itu yang memerintahnya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130(a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.

Justeru undang-undang jenayah syariah di Malaysia adalah bersifat takzir. Oleh itu, dalam kes-kes tertentu hukuman takzir boleh diluaskan dan diberikan hukuman yang lebih tegas dan bergantung kepada beratnya fakta kesalahan kerana takzir ini hukuman bergantung kepada budi bicara hakim. Tidaklah hanya menjurus kepada hukuman tradisional berbentuk denda, penjara dan sebatan. Keadilan restoratif yang diamalkan di bawah undang-undang sivil sering digunakan bagi kes melibatkan pemangsa. Yang mana pihak berwajib berbincang secara musyawarah dalam memberikan hukuman berbentuk restoratif kepada pesalah (Handhar Subhandi Bakhtiar, 2014). Maka, bagi kes-kes matrimoni dilihat dekat untuk diaplikasikan hukuman berbentuk restoratif ini (Zuri Zabuddin, 2021). Contoh bagi kesalahan-kesalahan melibatkan nikah tanpa izin, poligami dan perceraian di luar mahkamah. Cadangan ini dikemukakan kerana lebih bersesuaian dengan objektif hukuman dalam Islam dan mengelakkan rasa tertekan dikalangan pesalah yang mungkin baru sahaja bernikah dan sebagainya adalah tidak wajar untuk dikenakan hukuman jenayah syariah yang memungkinkan dipenjarakan atau memerlukan membayar denda (Zuri Zabuddin, 2021).

Hukuman bersifat hybrid<sup>1</sup> dicadangkan bagi kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah. Ada sesetengah kesalahan jenayah syariah yang tidak mencapai objektif dengan hanya meletakkan pesalah dengan hukuman pemenjaraan atau membayar denda. Pegawai penjara juga pernah mendedahkan bahawa sekiranya pesalah tidak dihadamkan dengan hukuman melahirkan keinsafan, hukuman pemenjaraan tidak akan memberi apa-apa kesan dan kemungkinan besar pesalah mungkin boleh mengulangi kesalahannya kembali (Zuri Zabuddin, 2021). Contoh kesalahan melibatkan akidah, fahaman agama dan kesalahan moral dan tatasusila juga dirasakan perlu kepada bentuk-bentuk hukuman restoratif dan rehabilitasi (Zuri Zabuddin, 2021). Penulis lebih melihat kepada adalah baiknya keadilan restoratif ini diaplikasi dengan menggunakan hukuman rehabilitasi dalam membekalkan pemulihan kepada diri pesalah. Ini adalah kerana, apabila pesalah dapat dipulihkan dan menghayati perkara yang dilarang dan dituntut dalam Islam makanya sakhsiah, peribadi dan akhlak pesalah juga dapat dibaiki. Ianya didapati berkesan bagi pesalah kesalahan moral (Fakhrul Azman, 2021). Kesalahan jenayah syariah adalah lebih kepada masalah kefahaman agama, moral yang semestinya melibatkan akhlak pesalah itu sendiri. Akhlak penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa (Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid & Norul Huda Bakar, 2015). Hukuman sedia ada ketika ini adalah bersifat retributif yang mana tertuduh mungkin akan didenda, dipenjarakan atau dikenakan kedua-duanya sekali. Namun, ketiga-tiga hukuman ini hanyalah memberikan *jaza'* atau balasan sahaja kepada pesalah. Dimanakah bentuk pemulihan sebagaimana objektif hukuman dalam situasi ini? Wujudnya cadangan pesalah perlu ditempatkan di pusat pemulihan atau melalui tugasan khidmat sosial dan kerja-kerja ummah yang memberikan penglibatan bukan sahaja kepada pihak pemerintah namun masyarakat juga terlibat sama dalam memimpin pesalah-pesalah ini ke jalan dituntut syarak. Ianya secara tidak langsung memberi ruang kepada pesalah-pesalah untuk memperbaiki diri (Awang Armadajaya Awang Mahmud, 2013) supaya menjadi warga yang patuh terhadap undang-undang dan hukum Syarak. Secara umumnya, peruntukan berkaitan penubuhan pusat pemulihan bagi pesalah untuk menjalani bimbingan moral telah termaktub dalam peruntukan

<sup>1</sup> Hukuman tradisional (denda, pemenjaraan dan sebatan) dan hukuman pemulihan.

undang-undang bagi setiap negeri, namun masih banyak negeri yang belum merealisasikan kehendak peruntukan tersebut (Siti Zubaidah Ismail, 2011).

Maka dalam situasi dan keadaan sebegini, hukuman retributif kelihatan kurang sesuai untuk dilaksanakan. Sebaliknya pesalah seharusnya dididik kembali dengan hukuman rehabilitasi melalui keadilan restoratif. Memperbaiki akhlak dan pendedahan agama adalah dilihat menjadi keutamaan dalam memulih (Fakhrul Azman, 2021). Hukuman ini lebih utama dalam memberikan impak kepada pesalah atas kesan kekhilafannya dulu. Jika hanya hukuman denda, penjara dan sebat yang diberikan kepada pesalah (hukuman retributif), ianya kurang berkesan untuk membaiki akhlak dan moral pesalah tersebut. Mungkin bentuk rehabilitasi yang boleh diberikan kepada pesalah adalah dengan menempatkan pesalah di pusat-pusat pemulihan untuk mendalami ilmu agama, menjalani kerja sosial di masjid dan khidmat ummah. Selain itu, didikan ilmu agama dan bimbingan fasilitator juga boleh dipertimbangkan dalam melaksanakan hukuman rehabilitasi. Pelaksanaan hukuman denda, penjara dan sebat tidak memungkinkan dapat mengislahkan akhlak dan memperbaiki moral pesalah. Maka dengan ini keadilan restoratif kelihatan lebih sesuai dilaksanakan di Mahkamah Syariah dewasa ini.

## 5.0 KESIMPULAN

Menjadi persoalannya, adakah tiga bentuk hukuman iaitu denda, pemenjaraan dan denda ini mengikat mahkamah syariah? Hakikat sebenarnya adalah tidak. Dalam kes Pendakwa Syarie *lwn. M<sup>2</sup>* yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Hakim Bicara telah memerintahkan Tertuduh ditahan di Pusat Perlindungan Baitul Iman selama tempoh enam (6) bulan. Hakim Bicara melihat kepada alasan bahawa tertuduh tidak bekerja dan tidak adil untuk dihukum dengan hukuman pemenjaraan atas alasan dia tidak mempunyai pendapatan untuk membayar denda. Justeru, hakim bicara juga kreatif dalam penghakimannya apabila melihat kepada usia tertuduh yang masih muda dan selayaknya diberikan *restoration* dan pendedahan berkenaan ilmu agama sebagai mekanisme pemulihan (*rehabilitation*). Dalam situasi ini dapat dirumuskan Mahkamah Syariah sebenarnya terbuka dalam menentukan bentuk hukuman dan tidaklah terikat kepada hukuman denda, penjara dan sebatan sahaja.

Penempatan pesalah di Pusat Pemulihan juga dilihat sebagai suatu hukuman pemulihan. Di sana pesalah akan dibekalkan dengan ilmu-ilmu melalui modul-modul khusus dalam mendidik jiwa dan kerohanian pesalah untuk mendalami ilmu agama (Abu Bakar, 2019). Namun, penubuhan Pusat Pemulihan ini tidak dapat dimaksimumkan penggunaanya kerana kekangan-kekangan tertentu. Malah, di Malaysia ini hanya negeri Selangor satu-satunya negeri yang mempunyai Pusat Pemulihan (Abu Bakar, 2020). Keterbatasan bentuk hukuman bagi setiap kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah yang telah diperuntukan dalam Akta 355 hanya memihak kepada hukuman denda, sebatan dan penjara sahaja (Abu Bakar, 2020).

Justeru, sebagai penyelesaian kepada masalah-masalah ini, memerlukan satu pindaan kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Peruntukan yang ada sekarang kurang jelas dan tidak diperincikan kuasa-kuasa sedia ada mahkamah untuk melaksanakan keadilan restoratif dan rehabilitasi. Sesetengah keputuan mahkamah syariah ketika ini kadang kala dilihat mudah dicabar (Zuri Zabuddin, 2021) dan ia menjelaskan kredibiliti Mahkamah Syariah di mata masyarakat. Lebih-lebih ketika ini telah pun sedia ada beberapa penghakiman Mahkamah

---

<sup>2</sup> 10008-143-0083 Tahun 2016

Syariah yang disemak semula dan dibuang akibat ketidakabsahan atau pun terlalu luas sehingga mengakibatkan berlakunya campur tangan dalam bidang kuasa Mahkamah Awam.

Peruntukan-peruntukan sedia ada seperti Seksyen 128 dan Seksyen 128 tersebut agak ringkas dan tidak membentangkan secara terus berkenaan pemakaian keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi sebagai sebahagian hukuman dalam prosiding jenayah syariah. Makanya, pindaan adalah langkah terbaik untuk dipertimbangkan supaya hakim-hakim syarie ketika ini tidak *reluctant* dengan kedudukan undang-undang dalam memilih bentuk hukuman restoratif dan rehabilitasi. Pewartaan yang jelas adalah perlu demi mengangkat kedudukan hukuman dalam undang-undang syariah berpaksikan objektif hukuman dalam Islam.

Kepelbagaiannya bentuk hukuman ini boleh dilihat telah wujud di Mahkamah Sivil melalui Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Mohammad Adib, 2019). Maka, ianya juga dipercayai dapat direalisasikan juga di Mahkamah Syariah melalui pendekatan-pendekatan berjiwa Islami yang dapat menjaga dan memelihara Maqasid Syariah. Justeru, perlu adanya suatu peruntukan undang-undang yang lebih khusus mengenai pentadbiran dan pengurusan berkaitan hukuman ini sama ada dalam bentuk arahan amalan mahupun kaedah-kadah yang diwartakan sekaligus membolehkan peruntukan ini dibuat sama ada secara umum atau khusus mengenai hukuman alternatif (Mohammad Adib, 2019).

Hasil penilaian terhadap keberkesanannya program pemulihan berasaskan pengadilan restoratif oleh kajian-kajian lepas mendapat terdapat bukti kukuh di mana proses integrasi dan membaik pulih kemudarat dan kerosakan yang dikenakan ke atas pesalah sukar dicapai tanpa bantuan komuniti (Siti Balqis, 2016). Ini kerana sistem pengadilan restoratif memberi peluang kepada komuniti untuk terlibat dalam penyelesaian konflik, memberi sokongan kepada pesalah, mengintegrasikan semula pesalah dan memperkuatkan lagi nilai-nilai kemasyarakatan kepada pesalah. Melalui penglibatan dalam program restoratif, komuniti mempunyai potensi menjadi peserta yang aktif dalam membantu mengurangkan kesalahan melalui kekuatan sosial kerjasama, kepercayaan, penyerapan nilai-nilai masyarakat dan mengintegrasikan semula pesalah ke dalam ahli-ahli komuniti (Zehr & Mika, 1998). Semua pihak mempunyai peluang untuk “duduk bersama” membincangkan kesan-kesan negatif jenayah yang telah berlaku ke atas kesejahteraan hidup mereka, serta memutuskan hukuman pemulihan yang paling sesuai dikenakan ke atas individu yang melakukan kesalahan tersebut. Kesimpulannya, Mahkamah Syariah juga didapati masih mempunyai ruang dan cara tertentu untuk beranjak dari bentuk hukuman retributif kepada keadilan restoratif dan hukuman rehabilitasi namun ianya perlu kepada prosedur dan justifikasi yang jelas.

## **6.0 PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan dalam Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK 2020), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Penyelidikan KUIS (RMC) dalam meluluskan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Bin Daud (2019). Keadilan Restoratif Dan Rehabilitasi Mengikut Ajaran Islam Dan Mahkamah Syariah. Konvensyen Kebangsaan Perundangan Jenayah Syariah Peringkat Kebangsaan (Hukuman Alternatif) 2019. Shah Alam, Selangor.
- Abd Karim Zaydan (1986). *Majmu' al-Buhuth Fiqhyyah*.Baghdad. Maktabah al-Qudh.
- Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita. (2017). Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak Di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017) Ayer Keroh, Melaka, Malaysia, 1–2 November 2017.
- Alias Azhar & Muhammad Azam Hussain (2012). Perluasan Skop Undang-undang Islam di Malaysia: Aplikasi dan Implikasi.*Shariah Journal*. Jilid 20, Bil.2.
- Awang Armadajaya bin Awang Mahmud. (2013). Hukuman Alternatif: Satu Perbandingan di antara Mahkamah Sivil dan Syariah. *Konvensyen Perundangan Syariah. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan* pada 6 Mac 2013.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid & Norul Huda Bakar. (2015). Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Jilid II, Isu I.
- Bernama. (16 April 2019). Menjiwai perundangan jenayah syariah. My Metro Online. Bahan diakses pada 1 September 2021 daripada [Darurat: Pesalah dihukum penjara tiga tahun dibenar jalani khidmat masyarakat \(hmetro.com.my\)](#)
- Farah Nini Dusuki. (2018). Pendekatan Keadilan Restoratif Terhadap Kanak-kanak Yang Berkonflik dengan Undang-undang: Satu Penilaian. Bangi. Darul Syakir Enterprise.
- Handhar Subhandi Bakhtiar. (2014). Pengertian Restorative Justice (Keadilan Restoratif) Bahan diakses pada 31 Ogos 2021 daripada <http://handarsubhandi.blogspot.co.id/2014/11/pengertian-restorative-justice-keadilan.html>
- Mohd Al Adib Samuri & Noor Aziah Mohd Awal (2009). Hukuman terhadap pesalah kanak-kanak di Malaysia: pencegahan atau pemulihan? *Jurnal Undang-Undang*.Bil 13.
- Mohammad Adib Bin Husain (2019). Keadilan Restoratif Dan Rehabilitasi Mengikut Ajaran Islam dan Mahkamah Syariah. Konvensyen Kebangsaan Perundangan Jenayah Syariah Peringkat Kebangsaan (Hukuman Alternatif) 2019. Shah Alam, Selangor.
- New Zealand Ministry of Justice. (2004). Restorative Justice in New Zealand: Best Practice. Wellington. New Zealand.
- Noresah Baharom (2005). *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka
- Nurbazla Ismail & Mohd Al-Adib Samuri (2013). Prospek Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013).Bangi, UKM, 13 November 2013.
- Siti Balqis (2016).Amalan Restoratif dalam Program Perlindungan dan Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah. *The Malaysian Journal of Social Administration*. Bil 12. No.1.
- United Nations. (2006).*Handbook of Restorative Justice Programmes: Criminal Justice Handbook Series*. New York: United Nations Office on Drugs & Crime.
- Vageswari Deswal. (2 Oktober 2019). Restorative Justice: Incorporating Gandhian Ideals for a Cathartic Approach Towards Punishment. The Times of India. Bahan diakses pada 2 Oktober 2019 daripada [Restorative justice: Incorporating Gandhian ideals for a cathartic approach towards punishment \(indiatimes.com\)](#)
- Yul Ernis. (2016). Diversi Dan Keadilan Restoratif Dalam Penyelesaian Perkara Tindak Pidana Anak Di Indonesia. *Jurnal Ilmiah Kebijakan Hukum*. Bil 10. No.2.

Zainul Rijal Abu Bakar. (29 September 2019). Menjiwai perundangan jenayah syariah. Sinar Harian Online. Bahan diakses pada 30 ogos 2021 daripada Menjiwai perundangan jenayah syariah (sinarharian.com.my).

Zehr & Mika (1998). Fundamental Concepts Of Restorative Justice. Contemporary Justice Review.

### **Temubual**

Temubual secara dalam talian bersama Tuan Zuri Zabuddin Bin Budiman. Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Persekutuan/Peguam Syarie pada 24 Ogos 2021. Jam 11pagi.

Temubual secara dalam talian bersama Tuan Fakhru Azman Bin Abu Hasan. Peguambela dan Peguamcara /Peguam Syarie pada 8 September 2021. Jam 11.20pagi.

### **Senarai Kes**

PS *lwn.* M (No. Kes: 10008-143-0083 Tahun 2016)